

Tarikh: 3 Februari 2025

ICI Ref: MSCC-004 – Supervitamins Sdn Bhd –ASA-01

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan (ASA-01) MSPO ke Palm Nutraceutical Extraction Plant- Supervitamins Sdn bhd, Masai, Johor, Malaysia

Keck Seng (Malaysia) Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Palm Nutraceutical Extraction Plant- Supervitamins Sdn bhd, Masai, Johor, Malaysia bagi memenuhi keperluan Malaysian Sustainable Palm Oil Standards series, MSPO MS 2530-4.2:2022 General Principles for palm oil processing facilities.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan MSPO (ASA-01) bagi Palm Nutraceutical Extraction Plant- Supervitamins Sdn bhd pada 5 Mac 2025.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan MSPO secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian Palm Nutraceutical Extraction Plant- Supervitamins Sdn bhd. Unit bagi pensijilan ini terletak di Masai, Johor.

Secara ringkasnya, Keck Seng (Malaysia) Berhad adalah sebuah syarikat tersenarai awam di Papan Utama Bursa Malaysia dan salah satu daripada aktivitiya adalah pengeluaran minyak sawit bersepadu. Keck Seng (Malaysia) Berhad memiliki dan mengendalikan satu kilang minyak sawit (Unit Pengurusan Ladang) dan 10 ladang di Malaysia.

Maklumat data pengeluaran yang akan dinilai di kilang dan ladang adalah seperti berikut:

Unit Pemrosesan

Nama Unit Pemrosesan	Lokasi	Rujukan GPS		Kapasiti
		Latitud	Longitud	
Supervitamins Sdn bhd (Palm Nutraceutical Extraction Plant)	8 ½ Miles, Kong Kong Road, 81757 Masai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia	N1°32'25.9"	E103°57'53.8"	-

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO P&C, RSPO SCC, ISCC, MSPO, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
 - En. Muhamad Naquiddin Mazeli (Kilang Kelapa Sawit, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai**
 - En. Zul Hairi Abu Hassan (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial, Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)



- En. Mohd Nur Amin Mohd Halim (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Alam Sekitar dan HCV / Konservasi, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-7931 0032 Fax: 03-7931 0419
Email: mohdhafiz.mathussain@intertek.com

En. Teo Aik Chong
Manager
Keck Seng (Malaysia) Berhad
9 Miles, Kong Kong Road,
81757 Masai, Johor, Malaysia.
Tel: 607-255 1111
Fax: 607-255 5117
Email: teoac@keckseng.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd